



## KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dalam Gred dan jenis yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil Sebut Harga	No. & Tajuk Sebut Harga	Taraf / Jenis Sykt * / Kelayakan	Tarikh & Masa Lawatan Tapak & Tempat Sebut Harga Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek	<b>KERJA-KERJA MENGECAT SATU (1) BLOK DI RUMAH PANGSA KOS RENDAH, TAMAN BANGI JAYA, SEMENYIH SELANGOR</b>  (KPKT/CPPP/UP/SH/3/2018)	Bumiputera  T1 <b>CIDB dan BPKU</b>  Gred: <b>G1</b>  Kategori: <b>B</b>  Pengkhususan : <b>B14</b>	Taklimat Projek dan Lawatan Tapak adalah <b><u>DIWAJIBKAN</u></b>  Berkumpul di  <b>Perkarangan Rumah Pangsa Kos Rendah, Taman Bangi Jaya, Semenyih, Selangor</b>  pada <b>23 April 2018 (Isnin)</b>  jam <b>10.00 pagi</b>	<b>PERCUMA (Tanpa bayaran)</b>	<b>Aras 6, Unit Penyelenggaraan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>  <b>2 Mei 2018 (Rabu) 12.00 tengahari</b>

Sebut harga ini mensyaratkan bahawa Hanya **Penama yang tercatat** di dalam **Sijil PPK, SPKK dan STB yang dibenarkan** untuk menyertai Taklimat Projek dan Lawatan Tapak. Sila bawa bersama sijil **ASAL dan satu (1) salinan** (PPK, SPKK dan STB) semasa lawatan tersebut.

Dokumen Sebut Harga juga boleh diperolehi di Aras 6, Unit Penyelenggaraan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya **pada 23 April 2018 (Isnin) selepas lawatan tapak.**

Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (STB)** dengan **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)** yang **ASAL** dan masih sah sehingga tarikh tutup Sebut Harga .

Dokumen Sebut Harga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Aras 6, Unit Penyelenggaraan, Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPKT** selewat-lewatnya **jam 12.00 tengah hari pada 2 Mei 2018 (Rabu).**

\*Jenis Syarikat Tempatan : T1 – Syarikat 100% milik tempatan

